

01/11/1998

Usah putar belit laporan: PM

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Dr Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua agensi berita melapor perkara yang benar dan tidak memutarbelitkan fakta semata-mata untuk menjadikan mereka organisasi yang lebih popular.

Dalam konteks itu, Perdana Menteri turut menyelar organisasi berita asing yang membuat laporan bersifat sensasi dan provokasi, khususnya mengenai negara ini.

"Kita di Malaysia melihat ada laporan di stesen televisyen antarabangsa dengan `mata yang sakit' kerana laporan mengenai negara ini langsung tidak benar.

"Jika mereka boleh berbohong mengenai negara kita, mereka juga boleh membuat demikian terhadap negara lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan pembukaan pejabat baru agensi berita Reuters, di Menara Berkembar Petronas, di sini semalam.

Dr Mahathir menegaskan, kesan daripada berita yang tidak benar lazimnya akan mengelirukan pelanggan, khususnya masyarakat peniaga sehingga mendorong mereka membuat keputusan yang salah dalam pelaburan di sesebuah negara.

Justeru, menurutnya, berita yang tepat sangat penting kerana laporan agensi berita akan disebar kepada pembaca di seluruh pelusuk dunia.

"Masyarakat peniaga selalunya membaca atau menonton televisyen untuk mengetahui apa yang berlaku dan ini (berita yang tidak benar) akan mempengaruhi mereka untuk membuat keputusan untuk melabur atau tidak.

"Apabila mereka dapat maklumat yang tidak betul, mereka mungkin membuat keputusan yang salah. Ini tidak akan memberi manfaat kepada syarikat atau perniagaannya," katanya sambil memuji Reuters sebagai agensi berita yang membuat laporan yang seimbang.

Beliau juga memberi contoh bagaimana laporan bercorak provokasi dan berita yang disensasikan oleh sesetengah agensi, kebelakangan ini.

"Adakalanya seseorang yang ditemu bual menjawab soalan atau tidak, pemberita yang `bijak' akan membuat andaiannya sendiri dalam laporannya.

"Ini akan menyebabkan kedudukan seseorang itu serba salah, sama ada untuk bercakap atau tidak bercakap semasa ditemu bual.

"Kadang-kadang apabila kita kata tidak ada komen, ini juga digunakan sebagai reaksi kita. Jika kita senyap pula, ia juga sangat sukar," katanya.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Reuters yang memiliki status syarikat dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC), 1 Jun lalu.

(END)